

**Iklan Jawatan Kosong**

Warganegara Malaysia yang terdiri daripada **anak kelahiran Negeri Sembilan Darul Khusus** yang berkelayakan dan berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan adalah dipelawa untuk memohon mengisi kekosongan jawatan seperti di bawah di Majlis Perbandaran Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus

1. a) Jawatan : Penolong Arkitek Landskap Gred JA29
- b) Kementerian/Jabatan : Majlis Perbandaran Nilai
- c) Kumpulan Perkhidmatan : Kumpulan Pelaksana
- d) Bilangan Kekosongan : 1 Kekosongan
- e) Taraf Jawatan : Kontrak

2. Jadual Gaji :

Gred Gaji	Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
JA29	RM1,549.00	RM5,701.00	RM145.00

3. Elaun-Elaun :

ITKA (Imbuan Tetap Kakitangan Awam)	ITP (Imbuan Tetap Perumahan)	BSH (Bantuan Sara Hidup)
RM160.00	RM300.00	RM250.00

4. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- a) Diploma dalam bidang Seni Bina Landskap yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

[Gaji Permulaan Gred JA29 : RM1,935.02]; dan

: 2 :

- b) Hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia /Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
- c) Keutamaan jawatan adalah kepada calon yang mempunyai Diploma dalam **bidang Seni Bina Landskap** dari **Universiti Teknologi MARA (UiTM)**; dan
- d) Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai penglibatan sukan di peringkat Sekolah, IPTA/IPTS, Jabatan, Daerah, Negeri atau Kebangsaan; dan

- 1. a) Jawatan : Penolong Pegawai Penilaian W29
- b) Kementerian/Jabatan : Majlis Perbandaran Nilai
- c) Kumpulan Perkhidmatan : Kumpulan Pelaksana
- d) Bilangan Kekosongan : 1 Kekosongan
- e) Taraf Jawatan : Kontrak

2. Jadual Gaji :

Gred Gaji	Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
W29	RM1,498.00	RM5,678.00	RM145.00

3. Elaun-Elaun :

ITKA (Imbuhan Tetap Kakitangan Awam)	ITP (Imbuhan Tetap Perumahan)	BSH (Bantuan Sara Hidup)
RM160.00	RM300.00	RM250.00

4. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- a) Diploma dalam bidang Pengurusan Harta Tanah atau pengurusan harta benda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji Permulaan : RM1,851.28]; dan
- b) Hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia(SPM)/Sijil Vokasional Malaysia(SVM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
- c) Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai penglibatan sukan di peringkat Sekolah, IPTA/IPTS, Jabatan, Daerah, Negeri atau Kebangsaan.

- 1. a) Jawatan : Pembantu Penguat Kuasa KP19
- b) Kementerian/Jabatan : Majlis Perbandaran Nilai
- c) Kumpulan Perkhidmatan : Kumpulan Pelaksana
- d) Bilangan Kekosongan : 1 Kekosongan
- e) Taraf Jawatan : Kontrak

2. Jadual Gaji :

Gred Gaji	Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
KP19	RM1,360.00	RM4,052.00	RM100.00

3. Elaun-Elaun :

ITKA (Imbuan Tetap Kakitangan Awam)	ITP (Imbuan Tetap Perumahan)	BSH (Bantuan Sara Hidup)
RM115.00	RM300.00	RM250.00

4. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- a) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
[Gaji Permulaan : RM1,360.00] ; atau
- b) Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.
[Gaji Permulaan : RM1,360.00] ; serta

- c) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut :-
- Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26
 - Mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
 - Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar; dan
- d) Calon bagi lantikan dengan kelayakan (a) hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/Sijil Vokasional Malaysia (SVM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
- e) Terbuka kepada **calon lelaki sahaja**; dan **bukan bumiputera** dan
- f) Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai penglibatan sukan diperingkat Sekolah, IPTA/IPTS, Jabatan, Daerah, Negeri, atau kebangsaan.

(PENGUMUMAN PENTING)

Cara-Cara Memohon :

1. Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan (M.P.N.) 1/01 yang boleh didapati di Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Nilai berharga RM1.00.
2. Borang yang **telah lengkap** diisi hendaklah **dikemukakan** bersama-sama dengan:-
 - i) Salinan MyKad dan Salinan Sijil Lahir
 - ii) Salinan Sijil Berhenti Sekolah
 - iii) Gambar berukuran pasport (dilekatkan di muka hadapan borang)
 - iv) Salinan sijil-sijil keputusan bagi kelayakan yang disyaratkan
3. Permohonan yang berikut akan **ditolak** :-
 - i) tidak disertakan dengan dokumen yang diperlukan;
 - ii) tidak disertakan salinan pengiktirafan kelayakan IPTA / IPTS untuk perkhidmatan Awam (<https://app.mohe.gov.my/iktiraf/semakan.php>)
 - iii) tidak lengkap atau tidak terang;
 - iv) tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;
 - v) tidak menulis nombor MyKad dan nama jawatan yang di pohon;
 - vi) tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan bagi pegawai sedang berkhidmat;
 - vii) tidak ditandatangani; dan
 - viii) permohonan yang diterima selepas tarikh tutup.
4. Tarikh Permohonan Dibuka : **24 SEPTEMBER 2018**
5. Tarikh Permohonan Ditutup : **5 OKTOBER 2018**
6. Alamat Jabatan : Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Nilai
No.1, Kompleks Pentadbiran Kerajaan
Persiaran Pusat Bandar, Putra Nilai
Peti Surat No. 52
71800 Nilai
Negeri Sembilan Darul Khusus.
7. **Catatan Am (PENTING - SILA AMBIL PERHATIAN) :-**
 - a) Hanya calon yang layak selepas tapisan/senarai pendek sahaja akan dipanggil untuk ujian fizikal dan/atau temu duga. **Calon-calon perlu sentiasa menyemak dari semasa ke semasa panggilan Ujian Fizikal dan panggilan Temu Duga** di laman web MPN ***www.mpn.gov.my***.
 - b) Sebarang tuntutan perbelanjaan kerana menghadiri ujian fizikal dan temu duga kelak tidak akan ditanggung oleh MPN;
 - c) Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya. Tiada makluman bersurat akan dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Nilai.
 - d) Semua **SALINAN SIJIL TIDAK PERLU DISAHKAN** oleh pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional/Ketua Kampung/Penghulu/Pesuruhjaya Sumpah/Ahli Parlimen/Ahli Dewan Undangan Negeri.